

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ("LMP") ini bersama dengan terma dan syarat umum sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran Produk ini.

Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ("Bank") jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.



Tarikh: _____

1. Apakah Agro Modal Usahawan Mikro- / (Agro MUSIM-)?

- **Agro MUSIM-** adalah merupakan kemudahan pembiayaan Mikro di bawah Skim Pembiayaan Mikro (SPM). Matlamat pembiayaan ini adalah untuk membantu Usahawan Mikro baharu atau sedia ada menjalankan aktiviti ekonomi terutamanya yang melibatkan sektor pertanian dan industri asas tani.
- Kadar keuntungan bagi Agro MUSIM- i dikira berdasarkan kadar tetap. Kadar tetap bermaksud kadar yang tidak berubah sepanjang tempoh pembiayaan dan mengguna pakai kaedah pengiraan secara pengurangan baki (*reducing balance*). Sebarang perubahan dalam Kadar Asas Standard (KAS) tidak akan mempengaruhi jumlah bayaran ansuran pelanggan dan kadar keuntungan yang dipersetujui.

Shariah Konsep yang digunakan

<u>Tawarruq</u>	<u>Wakalah</u>
• Konsep Syariah yang digunapakai untuk produk di atas ialah <i>Tawarruq</i>. <i>Tawarruq</i> terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana pelanggan membeli Komoditi daripada Bank pada penambahan harga jualan (Harga Jualan Bank) secara bayaran tertunda dan seterusnya menjual komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi secara tunai pada Harga Belian Bank dengan objektif untuk mendapatkan wang tunai.	• Di bawah pembiayaan ini, Bank akan menggunakan mekanisme dwi-agensi di bawah konsep <i>Wakalah</i>. Pelanggan melantik Bank sebagai ejen pelanggan untuk menerima pembelian komoditi daripada Bank dan seterusnya menjual komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi lain bagi pihak pelanggan untuk melengkapkan transaksi <i>Tawarruq</i>.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi pembiayaan Mikro ini, sebagai ilustrasi:

- Jumlah pembiayaan anda: **RM 50,000**
- Ansuran bulanan anda: **RM 964.84**
- Tempoh pembiayaan anda: **7 tahun**
- Kadar keuntungan: **15% setahun (kadar tetap dikira atas baki bulanan)**

Secara keseluruhan anda akan membayar RM 54,375 pada akhir tempoh 7 tahun.

Nota:

Bagi Agro MUSIM-i,

- a) Jumlah pembiayaan: Sehingga RM100,000***
- b) Tempoh pembiayaan: Sehingga 7 tahun***

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum menandatangani.



Membayar ansuran bulanan anda tepat pada masa dan sepenuhnya berdasarkan **tempoh pembiayaan**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal.



Hubungi kami segera sekiranya anda tidak dapat membuat pembayaran ansuran bulanan

Anda perlu membayar fi dan caj berikut:

- **Duti Setem:** Seperti yang termaktub di bawah Akta Setem 1949.
- **Caj Guaman & Pengeluaran:** Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi pembiayaan, pendaftaran gadaian, carian tanah, carian kebangkrutan/mufli, carian penutupan syarikat dan caj-caj lain yang berkaitan (jika berkenaan).
- **Sumbangan Takaful:** Berdasarkan jumlah perlindungan yang diambil untuk pembiayaan.
- **Fi Broker:** Jumlah fi broker akan dikenakan berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh Penyedia Perkhidmatan, dan jumlah keseluruhan akan dinyatakan dalam Surat Tawaran / Surat Pemberitahuan.

Nota: *Fi dan Caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (sekiranya ada) atau mana-mana cukai lain yang ditetapkan oleh Kerajaan.*

3. Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Bayaran keseluruhan yang perlu anda bayar menjadi lebih banyak disebabkan **ganti rugi (Ta'widh)** sepertimana berikut:
 - Sebelum Tarikh Matang:** Sehingga 1% setahun ke atas jumlah pembayaran tertunggak berdasarkan jumlah kerugian sebenar.
 - Selepas Tarikh Matang dan Penghakiman:** Mengikut kadar semalaman semasa Islamic Interbank Money Market (IIMM) ke atas keseluruhan jumlah baki tertunggak sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).
- Bank mungkin **menolak** wang dari akaun simpanan anda untuk tujuan bayaran ansuran bulanan atau baki pembiayaan Mikro anda.
- Bank berhak untuk mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda dan / atau penjamin. (jika berkenaan)
- Skor kredit** anda mungkin terjejas yang akan menyebabkan permohonan pembiayaan lain pada masa hadapan menjadi lebih sukar atau mahal.

4. Terma Penting Lain

- Rebat (*ibra'*) akan diberikan kepada anda berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu keadaan berikut:
 - Penyelesaian awal atau penebusan awal atau pembayaran awal sebelum tarikh matang pembiayaan;
 - Penyelesaian pembiayaan asal disebabkan pelaksanaan penstrukturan semula pembiayaan;
 - Penyelesaian pembiayaan bagi kes kemungkiran di mana walaupun anda mungkir, anda membuat penyelesaian penuh bagi keterhutangan pembiayaan sebelum tarikh matang;
 - Penyelesaian pembiayaan disebabkan kes penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.
 - Jumlah keuntungan berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif (KKE) adalah lebih rendah dari jumlah keuntungan berdasarkan Kadar Keuntungan Siling (KKS).

Formula untuk pengiraan Rebate (*ibra'*) dan nilai penyelesaian adalah seperti berikut:

$$Ibra' = \text{Keuntungan Tertunda}$$

$$\text{Nilai Penyelesaian} = \text{Baki Harga Jualan} + \text{Ansuran Tertangguh} + \text{Caj Bayaran Lewat (jika ada)} - Ibra'$$

- Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Anda digalakkan untuk mengambil Skim Perlindungan Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keterhutangan di bawah pembiayaan yang diberikan. Pelan perlindungan Takaful adalah penting untuk melindungi baki pembiayaan semasa anda sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau terma perlindungan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini.
- Keperluan cagaran adalah fleksibel, di mana tiada cagaran diperlukan daripada pelanggan sebagai pra-syarat untuk mendapatkan pembiayaan, kecuali pihak Bank boleh meminta cagaran atau jaminan yang berikut:-
 - Jaminan kewangan daripada pihak ketiga, termasuk jaminan daripada penyedia jaminan kredit seperti *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC)* atau *Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP)*; dan/atau
 - Kontrak atau akaun penghutang (*account receivables*) sebagai cagaran untuk pembiayaan kontrak atau pembiayaan invoice.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan Mikro anda, anda boleh:



Hubungi
1-300-88-2476



Lawati
<https://www.agrobank.com.my/my/product/kredit-mikro/>



E-mel
customer@agrobank.com.my



Imbas kod QR di atas

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar tentang apa yang akan anda tandatangani.

☐

Saya mengakui bahawa Agrobank telah memberikan saya salinan LMP.

☐

Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LMP ini.

*Pengakuan pelanggan terhadap LMP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya terdapat pertikaian kemudiannya mengenai terma dan syarat produk.

Nama:

Tarikh: